

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 26 RABU 1 JULAI 1970 رابو 26 ربيع الاخير 1390 PERCHUMA

Istiadat2 mengurniakan gelaran di-Lapau

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengurniakan gelaran kepada tiga orang raayat baginda dalam istiadat2 yang berasingan di-Lapau, Bandar Brunei pada minggu lepas.



Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Perdana Indera Awang Haji Mohd. Taha.



Yang Di-Muliakan Pehin Manda Bini Kawang Limah.

Pada hari Khamis 25 Jun, Duli Yang Maha Mulia telah mengurniakan gelaran 'Cheteria' kepada Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan.

Pengiran Dato Paduka Momin sekarang di-kenali sa-bagai Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara.

Cheteria baru itu ia-lah bekas Pegawai Daerah Belait dan telah di-lantek menjadi Setia Usaha Kerajaan dalam awal tahun ini.

Pada hari Sabtu 27 Jun, Kawang Limah binte Awang Besar telah di-kurniakan gelaran Yang Di-Muliakan Pehin Manda Bini dan pada hari Ahad 28 Jun Duli Yang Maha Mulia telah mengurniakan gelaran Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Perdana Indera kepada Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Awang Haji Mohammad Taha bin Haji Bakir.

Istiadat2 mengurniakan gelaran itu telah di-hadiri oleh pembesar2 termasuk Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A. R. Adair, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pengiran2, Pehin2 dan pegawai2 kanan kerajaan.



Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail dengan di-apit oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Pengiran Anak Tajuddin (kiri) dan Y.A.M. Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh, menjunjung sembah kebawah D.Y.M.M. atas pengurniaan gelaran tersebut.

Dua buah persatuan belia dapat bantuan Jabatan Kebajikan

BANDAR BRUNEI. — Pesuruhjaya Kebajikan Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Salleh bin Haji Masri telah menyampaikan dua keping chek, yang berharga tiga ratus ringgit tiap2 satu kepada Persatuan PERKASA Kampong Saba dan Persatuan Pakatan Sang Jati Dusun Brunei.

Wang itu merupakan sumbangan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada dua buah persatuan itu bagi membeli alat2 perabot.

Setiausaha Persatuan Pakatan Sang Jati Dusun, Awang Lunchai bin Uking dan Setia Usaha Persatuan PERKASA, Awang Ahmad bin Abu Bakar yang telah meneri-

ma chek2 itu di-Pejabat Pesuruhjaya itu pada hari Isnin lepas. Mereka mengucapkan terima kasih kepada Pesuruhjaya Kebajikan atas sumbangan itu.

Dua buah persatuan yang lain, Persatuan Kebajikan Mufakat Kampong Burong Pingai Ayer dan Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai Berakas, juga telah menerima sumbangan yang serupa dari Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam tahun lepas.

Wadar2 berkursus di-Malaysia

BANDAR BRUNEI.—Tiga orang wadar Penjara Jerudong akan berlepas ka-Malaysia Barat pada 3 Julai ini untuk mejalani kursus latihan selama tiga bulan di-Sekolah Latehan Pegawai2 Penjara di-Taiping, Perak.

Mereka ia-lah Awangku Ismail bin Pengiran Ahmad; Awang Mashor bin Mohammad dan Awang Kadil bin Antin.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Penjara berkata, wadar2 itu akan menjalani kursus dalam jurusan undang2 penjara; senjata; kawat dan chara menjaga orang2 sa-lah.

Perayaan sambutan puja usia D.Y.M.M. di-Temburong

PEKAN BANGAR. — Penduduk2 Daerah Temburong akan merayakan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-24 tahun selama tiga mulai 21 Julai.

Sa-buah jawatankuasa dengan di-pengerusikan oleh Pemangku

Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohammad Salleh bin Hidup telah di-bentok merancang sambutan hari keputeraan itu.

Achara2 perayaan itu termasuklah lumba perahu di-Sungai Temburong, perlawanan terek tali, persembahan aneka warna, pertunjuk-

kan pertanian dan pameran seni lukis dan pertukangan tangan.

Perarakan tanglong dan berchuchol rumah2 juga termasuk dalam sambutan perayaan itu.

Kemunchak dari acara sambutan itu ia-lah upacara perbarisan kehormatan yang akan di-adakan di-pandang Bangar pada 21 Julai.



Gambar atas menunjukkan Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A. R. Adair sedang memeriksa barisan pandu2 puteri dalam satu perhimpunan di-padang besar Bandar Brunei pada hari Juma'at lepas.

Perhimpunan yang di-hadiri oleh kira2 300 orang pandu puteri dan brownie itu ada-lah bagi menyambut hari ulang ke-60 tahun hari pergerakan Pandu Puteri Sa-Dunia.

Dalam perhimpunan itu pandu2 puteri dan Brownie telah menunjukkan hasil kerja tangan mereka dan juga nyanyian dan tarian budaya.

Puan Adair, isteri Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British itu juga telah hadir dan berucap dalam perjumpaan itu.

Dua orang pegawai pertanian berkursus

BANDAR BRUNEI. — Dua orang penolong pegawai pertanian telah berlepas ka-negeri Belanda pada hari Juma'at lepas untuk menjalani kursus latihan Antara Bangsa mengenai perkembangan luar bandar di-Wageningen selama tiga minggu.

Mereka ia-lah Awang Haji Suhaimi bin Haji Ismail dan Awang Rosli bin Omar.

Awang Haji Suhaimi mula berkhidmat dengan Jabatan Pertanian dalam tahun 1940, dan di-lantik sa-bagai penolong pegawai pertanian dalam tahun 1967. Dalam tahun itu juga beliau telah menghadiri kursus selama enam minggu di-Australia.

Awang Rosli mula berkhidmat di-jabatan itu sa-bagai kerani. Beliau di-hantar oleh kerajaan untuk melanjutkan pelajaran ka-United Kingdom. Beliau pulang ka-Brunei dalam tahun 1967 sa-telah mendapat diploma dalam pertanian dari Maktab Pertanian Seale Hayne, Devon, England. Awang Rosli mula memegang jawatan penolong pegawai pertanian dalam tahun 1968.

Kursus tersebut telah di-mulakan pada 30 Jun hingga 25 Julai, 1970.

Ibu-bapa di-seru supaya memberi perhatian terhadap pelajaran anak2 mereka

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait Awang Haji Alikhan bin Abd. Khan telah menyeru ibu bapa dan penjaga murid2 di-daerah itu supaya menumpukan perhatian sa-penoh-nya terhadap pelajaran anak2 mereka di-sekolah.

Beliau berkata bahawa kemajuan murid2 itu tidak akan dapat di-chapai dengan sempurna jika hanya sa-mata2 bergantung kepada guru tanpa

galakkan dari ibu bapa di-rumah.

Pegawai Daerah itu telah berucap demikian di-upacara 'Hari Pelajar' yang di-hadiri oleh ibu bapa dan penjaga murid2 yang berlangsong di-dewan Sekolah Melayu Ahmad Tajudin Kuala Belait hari Ahad lalu.

Awang Haji Alikhan juga menerangkan tujuan Kerajaan mengadakan 'Hari Pelajar' setiap tahun bagi sekolah2 melayu ia-lah untuk memberi peluang kepada ibu bapa dan penjaga murid2 supaya datang ka-sekolah untuk bertukar2 fikiran sa-chara langsong dengan guru2 bagi mengetahui kebolehan anak2 mereka belajar sa-tiap hari di-sekolah.

Kata-nya kemajuan murid2 tidak akan tercapai dengan baik-nya jika tidak mendapat perhatian yang wajar daripada ibu bapa. Ibu2 bapa mesti-lah selalu menulung anak2 mereka supaya lebih bergiat dan berazam menumpukan sa-penoh perhatian kepada pelajaran.

Pegawai Daerah itu juga mengesakan ibu bapa supaya jangan membiarkan anak2 mereka ka-sekolah dengan sifat2 sa-bagai 'melepaskan ayam di-reban' dengan tidak memberi bimbingan dan galakkan.

Beliau mengingatkan bahawa jika sifat2 serupa itu maseh terus menerus di-amalkan, maka anak2 itu kurang mendapat kejayaan dan akhir-nya kemajuan anak2 itu akan menjadi lemah dan mundur dan sudah tentu-lah masa hadapan anak2 itu kurang terjamin.

Zaman ini kata-nya ada-lah zaman kemajuan dan segala2-nya bergantung kepada pelajaran. Sebab itu-lah mereka harus berlumba2 mencapai ilmu pengetahuan yang tinggi untuk menyesuaikan dengan peredaran zaman.

Pegawai Daerah itu juga mengharapkan supaya penuntut2 yang tamat dan keluar dari sekolah itu nanti akan mempunyai akhlak dan budi pekerti yang tinggi di-samping berbakti kepada bangsa dan negara.

Turut berucap di-upacara itu ia-lah Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Belait Awang Mohd. Ta-ha bin Abd. Rahman dan Guru Besar di-sekolah itu Che'gu Pg. Besar bin Pg. Haji Ahmad.

Sukan tahunan Sek. Brunei Dua

BANDAR BRUNEI. — Sekolah2 Rendah Melayu di-Brunei Dua telah mengadakan sukan tahunan mereka di-Padang SMJA di-Bandar Brunei pada hari Sabtu lepas.

Sukan itu telah di-rasmikan oleh Yang Mulia Pengiran Idris bin Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar bagi pekah Pegawai Daerah Brunei/Muara.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pemangku Penguasa Palajaran Melayu, Awang Mohamed Hussain bin Mohamed Yusof.

Perarakan kenaikan laut di-sungai Tutong

TUTONG. — Daerah Tutong akan mengadakan perarakan perarakan kenaikan laut di-sungai Tutong, ia-itu sa-bahagian dari achara menyambut ulang tahun hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, bulan hadapan.

Peraradan itu terbuka kepada persatuan2 belia; orang orang persorangan dan kam-

pong2 di-daerah itu.

Peraradan itu ia-lah dengan menggunakan motor sangkut; sampan; rakit dan lain2 kenaikan di-ayer.

Orang2 yang ingin menyertai dalam peraradan itu hendaklah mengisikan borang yang boleh di-dapati dari Awang Suhaimi bin Abu Bakar di-bilik bacheaan pekan Tutong, dan ia-nya hendaklah di-kembalikan tidak lewat dari 10 Julai.



Gambar atas menunjukkan bangunan tambahan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri di-Bandar Brunei sedang dalam pembinaan.

Komplek bangunan yang menelan belanja kira2 \$1,350,000.00 itu ada-lah mengandungi sa-buah blok 12 buah bilek darjah, sa-buah blok asrama yang boleh menampung 104 orang murid.

Juga termasuk dalam kompleks itu ia-lah dua buah khutub khanah, bi-

lek2 seni dan pertukangan tangan, sa-buah bilek jahit dan bilek urasan rumah tangga.

Sa-buah dewan yang lengkap dengan pentas, bilek2 persalinan dan ruang bagi bermain bola tampar dan badminton juga termasuk dalam bangunan tambahan itu.

Pembinaan bangunan tambahan itu ia-lah bagi menampung bilangan murid2 yang semakin bertambah pada tiap2 tahun.

Di-dalam sa-buah hadith yang telah di-riwayatkan oleh Abu Hurairah radiallah-hu 'an yang bermaksud:

"Pada suatu ketika Rasulullah telah bersabda bahawa siapakah yang mahu mengambil daripada ku kalimah2 ini, lalu di-amalkan-nya atau di-kerjakan-nya kepada orang yang mahu mengamalkan-nya."

Maka jawab Abu Hurairah: "Saya wahai Rasulullah".

Maka Rasulullah terus memegang tanganku lalu Rasulullah menghitung lima perkara dengan sabda-nya:

"Pelihara-lah diri mu daripada segala yang di-haramkan neschaya engkau menjadi manusia yang paling beribadat. Redha-lah sekadar yang telah di-anugerahkan oleh Allah kepada engkau, neschaya engkau menjadi manusia yang paling kaya. Dan berbuat baiklah kepada tetangga (jiran) engkau, neschaya engkau menjadi orang yang mo'min dan sayangi-lah manusia apa yang engkau sayangi diri engkau, neschaya engkau menjadi orang Islam dan janganlah engkau banyakkann tertawa, kerana banyak tertawa itu mematikan jiwa."

Dari maksud hadith di atas jika di-pandang dengan sa-pintas lalu adalah sangat mudah dan senang. Daripada lima perkara ini sa-orang itu boleh menjadi selamat, sa-balek-nya jika kita amat-amati bahawa

MELAWAN HAWA NAFSU DI-SIFATKAN SAPERTI BERPERANG SABIL

KHUTBAH JUMA'AT

**"Redha-lah sekadar yang telah
di-anugerahkan oleh Allah kepada
engkau, neschaya engkau
menjadi manusia yang paling kaya"**

lima perkara yang tersebut telah meliputi segala keperluan dan kemahuan manusia, juga sa-bagaimana surohan Allah dan Rasul.

Pertama Rasulullah telah memperingatkan bahawa sa-seorang menjaga diri-nya berbuat daripada segala perkara yang di-haramkan ada-lah orang yang di-hitong paling beribadat. Maksud ini ada-lah bukan hanya sa-mata2 tidak mengerjakan segala yang ditegah sahaja tanpa membuat segala kewajipan, apa yang dimaksudkan ia-lah bahawa

membuat segala kebajikan itu ada-lah senang tetapi meninggalkan kejahatan itu sangat susah.

"Sa-seorang yang melawan hawa nafsu-nya itu ada-lah di-sifatkan sa-bagai berperang sabil".

Dan kedua Rasulullah telah menekankan bahawa redha apa yang telah di-dapati itu juga menjadikan orang itu sa-kaya-kaya manusia sekali-pun pada zahir-nya miskin. Perkara saperti ini selalu kita dapati di-dalam masyarakat pada hari ini. Ramai di-antara masyarakat Islam tidak bershukor atau tidak memadai dengan apa yang mereka dapati atau lain perkataan mereka membelanjakan keperluan sa-hari-hari tidak sa-timbal dengan pendapatan mereka.

Dan ini-lah selalu mendatangkan tidak kepuasan hati di atas anugerah Allah Subhanahu-wataala yang telah mereka

perolehi, maka orang yang saperti ini akan mendapat balasan jahat di-akhirat sa-bagaimana yang telah diterangkan oleh Allah Subhanahu-wataala di-dalam Al-Quran yang bermaksud:

"Dan ingati juga ketika Tuhan kamu memberitahukan, kalau kamu bershukor sudah tentu aku (Tuhan) akan memberikan lebih banyak dan kalau kamu tidak bershukor sa-sungguh-nya seksa-ku sangat keras. (Surat Ibrahim ayat 7).

Di-dalam hadith di atas telah menyebut juga bahawa sa-seorang yang berbuat baik kepada jiran dan kaseh kepada manusia lain ada-lah ia di-hitong mo'min dan muslim. Dan di-akhir hadith itu telah menasihatkan kita supaya jangan banyak tertawa kerana dengan banyak tertawa itu ada-lah mematikan jiwa manusia.

Ini-lah serba ringkas maksud sa-buah hadith yang telah di-riwayatkan oleh Abu Hurairah di atas tadi. Apa yang di-maksudkan ia-lah supaya tiap2 orang Islam dalam mengikuti dan mengamalkan sa-bagaimana yang di-suruh oleh Rasulullah maka dengan adanya kita mengamalkan perkara yang baik mudahan2 kita selamat di-dunia serta berbahagia di-akhirat. Amin ya rabul 'alamin.

Penuntut2 rayakan Maulud dgn mengadakan peraduan berzanji

BANDAR BRUNEI. — Penuntut2 dari Maktab SOAS dan sekolah2 menengah di-Daerah Brunei/Muara telah mengambil bahagian dalam peraduan Berzanji antara sekolah2 menengah dan maktab di-Dewan Maktab SOAS di-Bandar Brunei pada malam Juma'at lepas.

Peraduan yang di-anjorkan oleh Badan Pelajar2 Islam Maktab SOAS itu ia-lah untuk merayakan Hari Keputeraan Nabi Besar kita Mohammad s.a.w.

Ia-nya di-rasmikan pembukaan-nya oleh Pengetua Maktab SOAS Awang A. L. McCorkindale.

Kadzi Besar Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin telah memberikan sharahan khas di-majlis itu.

Di-antara lain yang berucap ia-lah Yang Di-Pertua Persatuan itu Awang Haji Mahmud Morshidi Othman. Hadiah2 kepada pemenang2

peraduan Berzanji itu telah disampaikan oleh Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama Awang Haji Abdullah bin Metassan.

Berikut ada-lah pemenang2 dalam pertandingan itu:

Bahagian Lelaki: Pertama — Awang Morshidi bin Mohammad Ali dari Sekolah Menengah Melayu Jalan Muara, kedua — Awang Zainal bin Haji Mohamed Yusof dari Maktab SOAS dan ketiga — Awang Mohamed Salleh bin Atma dari Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah.

Bahagian perempuan: Pertama — Dayang Norlia binte Haji Abdul Rahim dari Maktab SOAS, kedua — Dayang Masni binte Haji Manap dari Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit dan ketiga — Dayang Noor binte Ladi dari Sekolah Menengah Melayu Jalan Muara.

Sekolah Menengah Melayu Jalan Muara telah memenangi nerisai bagi sekolah yang terbaik sekali dalam peraduan itu.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 1 Julai 1970 hingga ka-hari Selasa 7 Julai 1970 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
1 Julai	12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11	
2 Julai	12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11	
3 Julai	12-29	3-51	6-41	7-25	4-38	4-53	6-11	
4 Julai	12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11	
5 Julai	12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11	
6 Julai	12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12	
7 Julai	12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



1hb. Julai, 1970.

SENI BUDAYA TAHUNAN

SATU hakikat yang nyata bahawa sa-tiap tahun di-adakan sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah di-adakan pelbagai pertunjukan seni budaya baik yang berchorak asli warisan penduduk2 tempatan, mahu pun yang moden chorak-nya.

Sambutan2 kerana meraikan hari keputeraan Baginda itu tidak shak lagi telah dapat mengukuhkan kedudukan seni budaya tempatan dan menjadi pendorong pula kepada jenerasi2 baru untuk menggiati dan menimbulkan seni dan budaya lama warisan dari dato ninek kita.

Kapada orang2 yang menyelidik kesenian dan kebudayaan penduduk2 dalam sa-sabua negeri itu akan mensifatkan sambutan2 sa-umpama itu sa-bagai satu peluang keemasan bagi mereka.

Dari sudut ini dan juga sudut2 yang lain seperti pembekalan hiburan2, maka peranan yang di-pikul oleh jawatankuasa2 perayaan ada-lah berat dan ternyata tidak begitu mudah untuk melaksanakannya. Mereka perlu mengukur dengan teliti akan mutu sa-tiap pertunjukan2 itu agar ia-nya benar2 mendatangkan kepuasan kepada penonton2, di-samping dapat menimbulkan mutu seni dan budaya yang benar2 bernilai selaras dengan adat-istiadat yang menjadi pesaka zaman berzaman.

Beberapa tahun dahulu, ketika sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin dalam bulan September (Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan sekarang ini), di-Padang Besar Bandar Brunei telah di-adakan pertunjukan yang besar mengenai chara2 perkahwinan orang2 Brunei lama. Ketika itu, barang2 lama termasuk pakaian dan tata terib telah menambah hati orang ramai yang menyaksikan yang terdiri dari berbagai2 bangsa.

Chara2 lama perkahwinan orang2 Brunei tidak-lah hanya sa-takat bersanding dan berambil2an sahaja, tetapi ada chara2 yang lain sama ada terdahulu atau sa-belum bersanding dan berambil2an itu, sa-umpama berjarum2, bersuroh, menghantar tanda, menghantar berian dan lain2 lagi. Chara2 yang lain ini belum pernah di-tunjukkan, sedangkan ia-nya perlu di-tuntunkan kepada jenerasi2 baru.

Chara2 yang ada sekarang ini sukar di-pertanggung-jawabkan tentang keaslian-nya, kerana telah di-pengaruhi oleh unsur2 kemodenan.

Untuk meninggikan nilai kesenian dan kebudayaan kita, harus ada sa-buah badan yang sentiasa sanggup bergerak dan menjadi pusat untuk di-hubungi bagi mendapatkan persembahan2 sama ada untuk kebajikan, mahupun majlis2 negara. Dan bukan-lah hal-nya seperti sekarang ini yang pertunjukkan seni dan budaya kita hanya dapat di-lihat sa-tahun sekali. Itu pun, keadaan-nya kurang teratur.

MASHARAKAT Brunei dewasa ini ada-lah dalam proses pembangunan. Di-sekeliling kita getaran nadi proses pembangunan itu dapat kita rasakan. Projek2 besar seperti pembinaan Pelabohan Ayer Dalam Muara, pembinaan Lapangan-terbang Antarabangsa Berakas dan pembinaan Ampangan Sungai Tutong merupakan suatu usaha yang dapat membayangkan betapa pesat-nya proses pembangunan itu. Sa-tiap projek dalam kancah proses pembangunan akan meminta korban yang banyak sa-belum nikmat dari projek itu dapat di-rasakan oleh anggota2 masyarakat. Tenaga buroh yang efisien, peruntukan wang yang mencukupi, di-tambah pula dengan pertimbangan2 yang menjangkau jauh ka-muka ada-lah perlu untuk mencapai sukses.

Kita baru menyentuh satu sudut dalam proses pembangunan ini ia-itu sudut yang dapat di-lihat, tegas-nya kerja2 yang menggunakan tenaga fizikal untuk mengujudkan bangunan2 dan sa-bagai-nya. Tetapi betapa pula hal-nya dengan proses pembangunan dalam bidang spiritual (kerohanian) Apa-kah bidang ini kurang penting-nya dalam sa-buah masyarakat bangsa yang baru membangun? Atau soalan itu kita kemukakan seperti ini; dalam satu2 proses pembangunan kebendaan dan kerohanian, yang mana satu-kah yang layak mendapat prioriti — kebendaan atau kerohanian? Jawapan kepada soalan ini menyebabkan banyak para intelektual berchakaran sa-sama sendiri. Oleh kerana dalam sa-buah masyarakat bangsa yang baru membangun sering di-tekanakan kepentingan sains dan teknologi, ada-lah dianggap oleh masyarakat bahawa sa-tiap usaha ka-arrah pembangunan itu sa-mesti-nya membangun gedong2 pencahkar langit, bertambah-nya kenderaan di-jeraya dan berbagai2 kemudahan kebendaan yang lain. Dan sudut pembangunan di-bidang kerohanian itu di-sifatkan sa-bagai suatu bidang subsidiary, bidang bawahan atau pembantu kepada bidang kebendaan. Kita chenderong untuk menamakan sikap atau fahaman seperti ini sa-bagai salah satu daripada unsur2 negatif dalam konsep pembangunan, dan untuk renongan bersama ada baik-nya sudut ini di-binchangkan lebih lanjut.

Mengapa sa-buah negara itu melancarkan projek pembangunan? Atau kalau soalan ini di-kaitkan dengan negeri kita: mengapa Brunei melancarkan projek pembangunan? Kita tidak akan berlaku adil untuk menjawab soalan ini sa-belum kita memberi tafsiran apa-kah yang di-maksud dengan kata

UNSUR2 NEGATIF DALAM KONSEP PEMBANGUNAN

OLEH:

MAHMUD HAJI BAKYR,

pembangunan itu. Tetapi sebelum itu harus-lah di-ingat bahawa pengertian **pembangunan** di-negara2 Asia-Afrika tidak sama dengan pengertian-nya di-negara2 Barat, maupun di-negeri Jepun yang tergolong ka-dalam kumpulan negara2 Asia itu. Kalau kata pembangunan kita hubungkan dengan negeri Jepun akan terbayang kapada kita usaha2 intensif ka-arrah penguasaan ekonomi melimpasi batas2 negeri. Bagitu-lah juga hal-nya di-negara2 Barat.

INTRINSIK

Kita lebih chenderong untuk menyarankan bahawa bagi kita di-Brunei pengertian pembangunan itu sa-bagai satu kesedaran intrinsik (kesedaran dalaman) tentang kelemahan kita dalam bidang2 tertentu dalam proses pemodenan. Kesedaran ini pula di-pengaruhi baik sa-chara langsung maupun tidak oleh unsur2 ekstrinsik (unsur2 luaran). Sa-chara intrinsik kita sadar bahawa institusi perekonomian, pelajaran, perkhidmatan kemasyarakatan kita, untuk mengambil beberapa contoh, tidak dapat bersaing dengan tempo proses pemodenan. Darj kesedaran intrinsik ini-lah timbul keinginan yang di-bantu oleh dayatenaga untuk mengasai dan memberi nafas baru kepada institusi2 yang lemah itu supaya ia dapat di-alirkan ka-dalam proses pemodenan. Kata pemodenan di-sini kita ertikan sa-bagai perkhidmatan dan perubahan untuk mencapai tahap lebih efisien.

Apabila di-sarankan bahawa ertj pembangunan itu ia-lah satu kesedaran intrinsik, kita bertujuan untuk menjangkau satu matalamat ia-itu konsep pembangunan mesti-lah datang di-timbulkan oleh anggota2 masyarakat bangsa yang bersangkutan.

Faedah pengaruh dari luar tidak dapat di-nafikan tetapi tekanan untuk membangun itu **ad hoc** mesti-lah datang-nya dari dalam. Pembangunan yang di-paksa2kan akan mengakibatkan satu keadaan kronik di-mana anggota2 masyarakat yang ingin di-bangun itu berlagak sa-bagai penonton atau pembonching. Ini merupakan satu unsur tidak sehat dari sudut pembangunan.

Ada-lah paling keliru kalau kita beranggapan bahawa kekayaan sa-buah negeri itu dapat menjamin kejayaan suatu projek pembangunan. Kekayaan dapat menjamin terdiri-nya sa-buah bangunan, umpamanya, tetapi konsep pembangunan tidak terhenti sa-takat terdiri-nya sa-buah bangunan. Sa-buah bangunan hanya berfungsi sa-bagai alat. Yang paling mustahak ia-lah khidmat yang di-sumbangkan oleh bangunan itu untuk mengisi kehendak2 yang di-renchanakan oleh negara. Jadi-nya, apa-kah masalah yang kita hadapi di-sini? Masalah-nya ia-lah sa-belum kita melancarkan projek pembangunan, mesti-lah ujud terlebih dahulu suatu keadaan di-mana anggota2 masyarakat inginkan kepada pembangunan. Di-sini-lah letak-nya sudut pembangunan rohani itu perlu di-dahulukan dari sudut pembangunan kebendaan.

PEMBANGUNAN

Sa-tiap pembangunan memerlukan iklim ingin membangun di-kalangan anggota2 masyarakat yang ingin di-bangun itu. Satu tragedi di-negara2 Asia-Afrika ia-lah pembangunan itu sa-olah2 di-paksikan ka-atas masyarakat-nya tanpa menyelidiki apa-kah masyarakat itu sudah bersedia menerima-nya atau belum. Dengan kata lain asas untuk pembangunan itu bersandar, perlu-lah ddi-sediakan terlebih dahulu sa-belum ia-nya di-lancarkan. Umpama-nya kalau makanan harian dalam satu masyarakat itu beras, jangan-lah di-tanam jagong beribu2 ekar.

Kita di-Brunei sangat-lah beruntung kerana projek2 pembangunan yang di-lancarkan oleh Kerajaan ada-lah di-saimbangkan dengan iklim kemampuan penduduk-nya. Perkembangan kebendaan dan kerohanian di-lancarkan sa-chara tidak berat sa-belah. Hal ini ada-lah sa-wajar-nya kerana sa-chara intrinsik kita menvedari bahawa sa-chara tradisi bangsa kita bukan-lah satu bangsa materialistik. Tidak dapat di-nafikan bahawa masa-depan kita akan banyak bergantung kepada bidang sains dan teknologi tetapi kita juga sadar

(Lihat Muka 5)

Pegawai2 AMDB berkursus

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai Askar Melayu Di-Raja Brunei akan berlepas ka-Australia pada 9 Julai untuk menghadiri kursus peperangan bersama dan pengawalan udara bahagian hadapan di-Bahagian Pembantu Udara Tentera Udara Australia selama lima minggu.

Mereka ialah Kaptein Pengiran Abidin bin Pengiran Ahmad dan Kaptein Jock Lin bin Kong Pau.

Ini ada-lah pertama kali pegawai2 AMDB menghadiri kursus sa-rupa ini.

19 PASOKAN MASOK BERTANDING

BANDAR BRUNEI. — Sa-banyak sembilan belas buah pasokan termasuk tiga pasokan perempuan akan mengambil bahagian dalam perlawanan bola keranjang yang di-anjurkan oleh Persatuan Bola Keranjang Amateur Bandar Brunei bersempena dengan perayaan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Perlawanan yang di-adakan sa-chara pukul mati itu akan di-adakan di-Dewan Sekolah Menengah Chung Hwa di-Bandar Brunei setiap hari mulai 5 Julai. Perlawanan akan di-mulakan jam 7.00 malam.

Unsur2 negatif dalam konsep pembangunan

(dari muka 4)

yang kita akan menempoh satu keruntuhan struktur sosial ketimoran sa-kira-nya penerimaan kita terhadap unsur2 sains dan teknologi itu tidak di-sandarkan kepada prinsip2 kerohanian yang kukuh.

Ada-lah sudah menjadi kenyataan bahawa satu daripada sebab2 yang menimbulkan Youth Resurrection atau Kebangkitan Belia di-negeri2 Barat, terutama di-Amerika Sharikat dewasa ini ada-lah berpuncha dari putus-nya tali penghubung antara si-anak dan kedua orang tua-nya. Bukan pula kita bermaksud untuk mengeneipkan beberapa unsur baik dalam Youth Resurrection ini, umpama-nya penentangan mereka terhadap Perang Viet Nam yang di-sifatkan oleh mereka sa-bagai immoral dan menjadikan belia2 korup; tetapi terlalu banyak unsur2 negatif yang tidak dapat di pertanggung-jawabkan dalam Youth Resurrection ini. Mereka memprotes just for the sake of protesting. Mereka ingin melihat Establishment runtuh menjadi debu tetapi mereka tidak punya program konkrit untuk mengisi tempat yang chuba mereka kosongkan itu. Ini-lah akibat-nya kalau kita beranggapan yang sains dan teknologi itu dapat membentuk satu jenarasi yang bermoral dan berdisiplin tanpa bantuan disiplin2 pure arts.

Prioriti dalam memilih sa-tiap projek pembangunan itu



Gambar atas menunjukkan bangunan peringatan Sir Winston Churchill sedang dalam pembinaan. Bangunan yang berbentuk 'C' itu di-bena di-Jalan Stoney, Bandar Brunei.

Kira2 80 peratus kerja2 pembinaan ka-atas bangunan itu telah selesai. Ia-nya di-jadualkan siap dalam tahun depan.

Apabila siap nanti bangunan itu akan mengandungi sa-buah bilek pameran, sa-buah aquarium dan dewan peringatan Churchill.

Komplek bangunan yang menelan belanja kira2 \$3.35 juta itu telah di-mulakan dalam tahun lepas.

harus pula kena pada tempat dan masa-nya. Hal ini penting kerana sa-tiap projek pembangunan mesti-lah ada kaitannya dengan keseluruhan proses pembangunan dalam sa-buah negara itu. Dengan kata lain projek itu bukan-lah di-ran-changkan dengan tujuan samata2 untuk show-piece.

Sa-bagai contoh kita ambil gerakan pembentokan universiti2 di-Afrika. Banyak para kritikal membantah yang mata-pelajaran2 yang di-ajarkan di-universiti2 tersebut tidak kena mengena dengan arus pembangunan yang sedang di-hadapi dalam negeri. Para penganjur universiti2 tersebut sa-chara patoh chuba berkiblat ka-Barat apabila mereka merancang universiti2 untuk Afrika. Akibat-nya ia-lah sa-bahagian besar kegiatan di-universiti2 tersebut putus hubungan dengan inspirasi pembangunan negara.

Sa-kali lagi kita di-Brunei ada-lah beruntung dalam hal ini. Projek2 besar yang di-lancarkan oleh Kerajaan seperti pembinaan Pelabohan Ayer Dalam Muara itu ada-lah kena dengan tempat dan masa-nya. Demikian juga projek2 pembinaan Lapangan-terbang Antarabangsa Berakas dan Ampangan Sungai Tutong yang sedang giat di-laksanakan itu. Semua projek ini apabila siap terlaksana nanti akan dapat memberi khidmat-nya ad infinitum kepada bangsa dan negara.

TEMBURONG ADAKAN LUMBA PERAHU, BERCHUCHOL DAN PERARAKAN TANGLONG

PEKAN BANGAR, Temburong — Pada tahun ini, Daerah Temburong akan menganjurkan perlumbaan perahu dan mutusangkut yang hanya terbuka kepada penduduk2 di-daerah itu sahaja.

Pada tahun2 yang lalu kedua2 acara perlumbaan itu, terutama mutu-sangkut telah di-bukakan kepada pelumba2 dari Bandar Brunei.

Ini telah di-umumkan oleh sa-orang juruchapak jawatan-kuasa perayaan sambutan hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi daerah itu.

Daerah Temburong akan merayakan hari keputeraan Baginda itu mulai dari 21 hingga 25 Julai dengan berbagai2 acara termasuk peraduan berchuchul rumah2 dan tanglong berjalan kaki.

Penduduk2 daerah itu yang ingin mengambil bahagian dalam lumba mutu-sangkut dan perahu hendak-nya mengisikan borang yang boleh di-dapati dari Awang Md. Yusof bin Ahad di-Pejabat Kadhi, Temburong dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 10 Julai.

Bagi memasuki peraduan tanglong berjalan kaki yang terbuka kepada kampung2, persatuan2, pejabat2 dan sekolah2 hendak-lah mengisikan borang yang boleh di-dapati dari Awang Ali bin Ibrahim, Jabatan Letrik Temburong dan di-kembalikan kepada beliau tidak lewat dari 14 Julai.

Bagi peraduan berchuchul rumah2 tidak ada borang masuk di-kehendaki, tetapi rumah2 yang memasang chuchul sama ada letrik atau minyak gas dengan sendiri-nya akan di-hakimkan.

Peraduan itu terbuka kepada rumah2 di-sepanjang jalan dari Pekan Bangar ka-Hujong Jalan, dan dari Pekan Bangar ka-Kampung Menengah. Chuchul2 itu hendak-lah di-nyalakan di-sepanjang perayaan itu berjalan.

Kongres agong pengakap

BANDAR BRUNEI. — Pertubuhan Pengakap Negeri Brunei akan mengadakan Kongres Agong bertempat di-Pusat Belia, Bandar Brunei pada hari Sabtu 4 Julai, 1970 mulai jam 2.00 petang.

Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang A. R. Adair yang juga menjadi Pengakap Agong Negeri Brunei akan merasmikan pembukaan kongres tersebut.

Awang Adair juga akan menyampaikan sijil2 kepada tiga orang Pengakap2 dari Negeri Brunei yang berjaya di-temasha Lumba Jalan Kaki Jarak Jauh yang telah di-adakan di-Thailand sa-masa Pengakap2 dari Negeri Brunei menghandhiri Jambori Pengakap Kebangsaan Thailand dalam bulan Disember tahun lalu.

Kongres tersebut akan mendengarkan laporan Penyata Tahunan Pengakap di-negeri ini pada sa-panjang tahun lalu yang akan di-sampaikan oleh Pesuruhjaya Pengakap Negara, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan.

Di-antara perkara2 yang akan di-rundingkan dalam Kongres tersebut ia-lah mengenai Lenchana2 baru Pengakap2 Negeri Brunei, masa'alah kewangan dan lantekan Pegawai2 Tertinggi Majlis Mashuarat Pengakap Negeri Brunei.

Sa-orang juruchapak Majlis Mashuarat Pengakap Negeri Brunei menjemput semua Pemimpin2 Pengakap dan Pengakap2 di-negeri ini menghadiri upacara pembukaan rasmi Kongres tersebut dengan memakai pakaian yang lengkap. Pengakap2 itu di-minta berada di-Pusat Belia, Bandar Brunei sa-belum jam 1.30 petang hari Sabtu 4 Julai, 1970.

Tutong akan mempunyai rumah sakit yang moden

BANDAR BRUNEI. — Daerah Tutong akan mempunyai sa-buah rumah sakit yang moden bagi kemudahan penduduk2 di-daerah itu.

Tawaran bagi pembinaan rumah sakit yang baru itu akan dipanggil dalam bulan Ogos tahun ini.

Rangka pelan akan mengadakan keperluan2 bagi kegunaan segera dan akan meliputi keperluan2 bagi melayani pesakit2 dalam yang akan bertambah dengan banyak-nya.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Tabib Di-Raja Dato Setia F. I. Franks berkata, bahawa semua perkara yang perlu bagi sa-buah rumah sakit sederhana akan di-adakan.

Sa-buah bahagian bagi pesakit luar dan sa-buah bilek penasihat pakar umum yang boleh di-gunakan oleh pakar2 pelawat termasuk pakar mata akan di-adakan.

Satu peratoran khas telah dibuat untuk membenarkan pakar mata bekerja dalam bilek penasihat itu.

Sa-lain dari itu akan di-adakan bahagian X-Ray, sa-buah dispensary dan sa-buah bilek pembedahan.

Pehin Orang Kaya Laila Tabib Di-Raja berkata, bahawa akan di-adakan juga dalam rumah sakit itu sa-buah klinik kesihatan yang akan di-tempatkan di-bahagian bawah dari satu2-nya bangunan dua tingkat dalam rangkaian pembinaan rumah sakit itu.

Bahagian atas bangunan ter-

sebut akan di-khaskan bagi bahagian pentadbiran rumah sakit.

Tempat tinggal bagi kakitangan rumah sakit akan di-bena juga.

Pada masa ini akan di-adakan sa-buah wad bagi berbagai tujuan. Kemudahan2 peranakan juga di-bena berdekatan dengan wad tersebut.

Apabila keperluan bertambah bagi tempat tinggal pesakit dalam wad2 baru akan di-bena.

Pehin Orang Kaya Laila Tabib Di-Raja berkata bahawa dengan pembinaan ini dan tempat tinggal yang baik, rumah sakit ini akan memberikan satu tempat kerja yang manarik hati bagi doktor2 muda yang chergas. Dengan kemudahan2 moden seperti yang di-nyatakan termasuk juga Path/Makmal dan sa-buah dispensary rangkain tersebut merupakan sa-buah tempat pekerjaan yang menarik. Kemudahan2 yang akan di-adakan tentu sekali dapat di-terima baik oleh penduduk2 Daerah Tutong.

BARANG2 MUZIUM BRUNEI.....11



Nama: Kapsiu.

Penerangan:

Kapsiu tembaga ini berbedza bentuk dan ukuran-nya dengan jenis2 kapsiu yang tersimpan di-Muzium Brunei. Selain dari dua batang tangkai bersebelahan di-atas, terdapat satu paip kecil untuk mengeluarkan ayer. Kapsiu ini, seperti dengan lain2 kapsiu di-gunakan untuk memasak ayer panas. Kerana ketiadaan kitil waktu dahulu, kapsiu telah di-buat daripada tembaga.

Di-tepi atas bahu kapsiu ini terukir huruf berbunyi "1/10/1922 Alamat ini kapsiu Awang Jamu (din) bin Merali, Muara". Awang Haji Mohiddin bin Jamudin, Kampung Muara, anak kepada tuan punya kapsiu ini menceritakan bahawa kapsiu ini telah di-tempa oleh Awang Besar dari Kampung Pandai Emas (sekarang termasuk dalam Kampung Sungai Kedayan 'B'). Kapsiu ini mengambil masa dari tiga hingga empat bulan untuk menyiapkan-nya.

Kapsiu ini di-beli dari Daerah Brunei-Muara dalam tahun 1965.

Sukatan: Lebar atas 11 1/2".

Lebar bawah 13".

Tinggi (tidak termasuk tangkai) 14 1/2".

Jadual penyemboran ubat DDT

BANDAR BRUNEI. — Rombongan penyembor ubat DDT Projek Penghapus Malaria akan melawat ke-3 buah kampung di-Daerah Brunei-Muara dan tujuh buah kampung di-Daerah Tutong dalam bulan ini.

Mulai 6 Julai hingga 9 Julai, rombongan itu akan melawat ka-Kampung Tanjong Bunut; pada 11 Julai ka-Kampung Batu Ampar dan 13 Julai ka-Kampung Wasan, dalam Daerah Brunei-Muara.

Di - Daerah Tutong, rombongan itu akan melawat ka-Kampung Batang Mitus pada 14 dan 16 Julai Kampung Mukom 18 Julai dan Kampung Bebuloh pada 20 Julai.

Pada 21 Julai, ia-nya akan melawat ka-Kampung Men-

angah; pada 22 Julai Kampong Bukit Sulang; 23 Julai Kampong Telamba dan Tempuan Telisai dari 25 hingga 28 Julai.

Ada-lah di-anggarkan sa-banyak 886 liter ubat DDT akan di-gunakan untuk menyembor 288 buah rumah, pondok2 dan lain2 binaan di-sepuluh buah kampung itu.

Ketua Projek Penghapus Malaria meminta penghulu dan ketua2 di-kampung2 tersebut supaya memberikan kerjasama dengan rombongan itu.

Pelayaran kapal Brunei/Labuan

BANDAR BRUNEI. — Perkhidmatan kapal penumpang dari Bandar Brunei ka-Labuan akan bertolak menurut jadual waktu sementara mulai hari Sabtu 27 Jun hingga Selasa 14 Julai.

Kechuali pada hari2 Juma'at kapal itu akan bertolak dari Bandar Brunei lewat satu jam ia-itu pada pukul 8.45 pagi dan bukan pukul 7.45 pagi.

Pada hari Juma'at 3 dan 10 Julai kapal itu akan bertolak dari Bandar Brunei pada pukul 7.45 pagi.

Kapal itu akan bertolak dari Labuan ka-Bandar Brunei pada jam yang sama.

Tarek tali

KUALA BELAIT. — Sa-banyak tujuh belas buah pasokan akan mengambil bahagian dalam perlantikan tarek tali yang di-anjurkan sa-bagai sa-bahagian dari rancangan perayaan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Daerah Belait.

Perlantikan akhir di-jadualkan berlangsung pada 19 Julai.

Perlantikan pertama akan di-jalankan pada hari ini di-padang kecil Kuala Belait mulai 5.00 petang.

Perarakan di-ayer dan berchuchol

BANDAR BRUNEI. — Perarakan perahu2 dan kapal2 berhias dan pertandingan berchuchol bagi rumah2 di-Kampung Ayer ada-lah termasuk dalam rancangan perayaan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Daerah Brunei Muara.

Sa-orang juruchakap bagi jawatankuasa berchuchol berkata, berchuchol boleh menggunakan lampu2 minyak atau gas, kuasa letrik atau jana-kuasa2 kepunyaan sendiri.

Beliau juga berkata, pemenang2 dalam perarakan itu akan menerima hadiah2 wang tunai atau piala.

Borong2 masok bertanding boleh di-dapati dari ketua2 kampung atau pengurus jawatankuasa pertandingan. Pengiran Damit bin Pengiran Abu Bakar di-alamatkan Jabatan Setor Negara, Brunei Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Damit di-Pejabat Penchen, Brunei atau daripada Awang Sablee bin Haji Metussin di-alamatkan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Brunei.

Borong2 itu, hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 9 Julai.

19 orang penuntut terima

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad pada minggu lalu telah mengumumkan pemberian biasiswa kepada 19 orang penuntut di negeri ini bagi tahun 1970.

Empat orang dari mereka akan menerima biasiswa bagi Sijil Persekolahan Tinggi dan yang lain-nya akan menerima biasiswa bagi Sijil Persekolahan Seberang Laut/Sijil Persekolahan Malaysia.

Perlawanan bola sepak anjoran P.M.L.

TUTONG. — Persatuan Melayu Lamunin menganjorkan pertandingan bola sepak bersempena dengan perayaan sambutan hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Daerah Tutong.

Sa-orang juruchakap bagi jawatankuasa penganjur berkata, pertandingan itu adalah terbuka kepada persatuan2 belia, jabatan2 kerajaan, seko-lah2 dan kampong2 di-Daerah Tutong sahaja.

Pertandingan itu yang dijalankan menurut sistem kalah mati, itu ia-lah bagi merebut perisai yang telah di-dermakan oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Borang2 untuk masuk bertanding boleh di-dapati dari Awang Mohsin bin Haji Khatam, Persatuan Melayu Lamunin, Awang Besar bin Tuioh di-alamatkan Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong dan Awang Rauf bin Mohamed Noor di-Kampong Lamunin.

Borang2 itu mesti-lah di-kembalikan tidak lewat dari 3 Julai.

biasiswa Shell

Tiap2 sa-orang penuntut akan menerima sa-banyak \$500.00 sa-tahun.

Awang Suji bin Mudin dan Awang Abd. Rahman bin Mohiddin dari Maktab SOAS, Bandar Brunei, Ng Wai Sun dari Sekolah St. Michael Seria dan Lim Lee Lan dari Sekolah St. Angela's, Seria akan menerima biasiswa Sijil Persekolahan Tinggi.

Penuntut yang menerima biasiswa Sijil Persekolahan Seberang Laut/Sijil Persekolahan Malaysia ia-lah:

Awang Abdullah Arshad, A. Ghafar bin Ismail, Aziz bin Abdul Rahman, Juhali bin Suile, Tong Eng Kiat dan Chew Kim Siong, kesemuanya dari Maktab Anthony Abell, Seria; Momin bin Salleh dan Intan bin Salleh dari Maktab SOAS, Bandar Brunei; Rajendran dan Ravikumar dari Sekolah St. Margaret's, Seria; Lim Siew Yen, dari Sekolah St. George's, Bandar Brunei; Quek Chong Hin dari Sekolah St. Michael dan Lee Swee dari Sekolah St. Angela's Seria.

Di-samping itu Sharikat Minyak Shell juga membaharui 15 biasiswa termasuk sa-orang menerima biasiswa Sijil Persekolahan Tinggi.

Jumlah biasiswa baru dan yang di-perbaharui bagi tahun 1970 ini ia-lah \$17,500.

JAWATAN - JAWATAN KOSONG

Juruteknik Makmal Perchubaaan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan sa-bagai Juruteknik2 Makmal Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

a) Chalun2 yang di-kehendaki bagi jawatan ini hendak-lah sudah menchapai umur 17 tahun dan bukan-nya 25 tahun, Mereka mesti-lah terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan.

b) Mereka hendak-lah lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut.

c) Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang mendapat kepujian dalam Ilmu Sain dan/atau Ilmu Hisab.

Tingkatan Gaji:

Juruteknik Makmal Perchubaaan \$210 x 10 — 260/EB/270 x 15 — 360.

Juruteknik Terlateh — \$280 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620.

Juruteknik Makmal Kanan — \$660 x 30 — 900.

Ketua Juruteknik Makmal — \$930 x 30 — 1050/EB/1080 x 30 — 1200.

Pemohon2 yang terpilih akan di-lantek dalam perchubaaan selama tiga tahun sa-bagai Juruteknik2 Makmal Perchubaaan, dan juga akan di-hantar ka-seberang laut bagi menjalankan latihan.

Juruteknik2 Makmal Perchubaaan akan di-kehendaki lulus semua pe-periksaan semasa mereka dalam kursus latehan sewaktu dalam perchubaaan.

Perchubaaan2 yang:

a) telah lulus pe-periksaan terakhir, dan

b) telah di-sokong oleh Ketua Pejabat mereka akan berhak di-tetapkan sa-bagai Juruteknik Makmal Terlateh.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Julai, 1970.

Sa-bagai Pembantu Perpustakaan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan sa-bagai Pembantu Perpustakaan di-Jabatan Pelajaran, Brunei. Chalun yang berjaya akan di-tempatkan di-Sekolah Menengah Melayu Pertama, Jalan Muara.

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran.

b) Mereka mesti-lah mempunyai pengalaman sekurang2-nya selama 3 tahun dalam kerja2 perpustakaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1 EB2 — \$210 x 10 — 260/EB/270 x 15 — 360. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 11 Julai, 1970.

Sa-bagai Guru Ugama Terlateh di-AMDB

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat atau yang berhak di-daftar sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan kosong sa-bagai Guru Ugama Askar Melayu Diraja Brunei. Hanya pemohon2 yang mempunyai sharat2 seperti berikut di-bawah ini sahaja di-kehendaki menghantar permohonan mereka:—

a. Berumur 20 hingga 35 tahun.

b. Lulus Darjah VI Sekolah

Ugama dan lulus Tingkatan 1 Sekolah Menengah Melayu atau pun Sekolah Menengah Inggeris.

c. Mempunyai kelulusan kursus Perguruan Ugama Brunei dan telah berkhidmat sa-bagai guru ugama sekurang2-nya 5 tahun.

d. Chalun2 yang berjaya dengan sendiri-nya akan terta'alok di-bawah kuasa Perintah Askar Melayu Diraja Brunei dan oleh yang demikian mereka di-kehendaki bersedia menerima segala arahan2

untuk bertugas di-dalam atau di-luar perkhemahan Askar Melayu Diraja Brunei.

Gaji:

Dalam Sukatan gaji D3 \$380 — 20 x 20 x 20 — 480.

Permohonan2 hendak-lah di-tujukan kepada Pegawai Pemerintah Askar Melayu Di-raja Brunei dengan melalui Penguasa Pelajaran Ugama Brunei dan hendak-lah sampai kepada Pemerintah Askar Melayu Di-raja Brunei tidak lewat 7 Julai 1970.

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim





RSM T. B. Kirkhope.

BERAKAS. — RSM Awng T. B. Kirkhope telah berlepas meninggalkan Brunei menuju ka-United Kingdom petang semalam untuk bersara sa-telah berkhidmat dengan pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei selama enam tahun.

Satu perbarisan selamat jalan kepada Awang Kirkhope telah di-adakan di-padang perbarisan AMDB pada dari Juma'at 26 Jun.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, selaku Colonel-In-Chief AMDB telah hadir dalam perbarisan tersebut.

Kursus Guru2 Kelas Dewasa Pelajaran Rendah

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pelajaran akan menganjorkan Kursus Guru2 Kelas Dewasa Pelajaran Rendah dalam bulan Ogos hadapan.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, tujuan di-adakan kursus itu ia-lah untuk memberikan guru2 kelas dewasa pengetahuan yang lebih luas mengenai chara mengajar orang2 dewasa.

Beliau berkata, kursus itu juga membolehkan peserta2 untuk memahami akan tujuan betapa penting-nya pelajaran.

Kursus itu juga melateh beberapa orang peserta dari persatuan2 beliau untuk menjadi guru sukarela bagi mengajar kelas2 dewasa di-kawasan mereka masing2.

Kursus yang kedua di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran itu akan di-adakan selama lima hari.

Sa-masa kursus, beberapa sharahan khas akan di-sampaikan oleh pensharah khas.

Antara nya termasuklah pentadbiran, undang2 dan chara2 bagaimana mengajar orang2 dewasa menulis dan membaca.

Sementara itu Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Mohammad Salleh bin Haji Masri menyeru belia2 di-negeri ini supaya mengikuti kursus yang di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran itu.

Kata-nya tiap2 sa-buah persatuan hendak-lah menghantar dua orang wakil untuk mengikuti kursus tersebut.

Peserta2 yang terpilih akan di-tanggung makan dan minum, kenderaan, tempat tinggal dan bagi pegawai kerajaan, chuti selama mengikuti kursus itu akan di-uruskan oleh Pentarah Pelajaran kepada ketua2 jabatan yang berkenaan.

Pepereksaan Royal Society of Arts

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pelajaran sekarang membuat persiapan untuk mengadakan pepereksaan Royal Society of Arts bagi satu mata pelajaran.

Pepereksaan2 itu akan di-adakan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan Maktab Anthony Abell, Seria dalam bulan Nohember tahun ini.

Mata2 pelajaran itu ia-lah ilmu menyimpan buku kira2, bahasa Inggeris, ilmu hisab, trengkas, bahasa Inggeris untuk orang2 asing, menaip dalam tiga peringkat perengkat permulaan, menengah dan tertinggi.

Chalun2 yang ingin memasoki pepereksaan2 itu boleh meminta borang2 masuk dan keterangan daripada Pegawai Pepereksaan, Jabatan Pelajaran, Bandar Brunei, Penyelia Kelas2 Dewasa, Maktab SOAS dan Maktab Anthony Abell, Seria.

Borang2 yang telah di-isi bersama dengan bayaran masuk periksa hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 18 Julai, 1970.



Awang Abdul Rahman.

Berkursus di-U.K.

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang pegawai pentadbir Brunei, Awang Abdul Rahman bin Dato Paduka Awang Mohamed Taib telah berlepas ka-United Kingdom pada hari Isnin untuk menghadiri kursus pentadbiran selama tiga hingga empat bulan di-Royal Institute of Public Administration.

Awang Abdul Rahman adalah penolong peribadi kepada Menteri Besar.

Ini ada-lah pertama kali-nya sa-orang Pegawai Pentadbir Brunei menghadiri kursus di-institute itu.

Sementara itu enam belas orang penuntut Brunei telah berlepas ka-Malaysia Barat pada hari itu untuk belajar di-Institute Technology Mara di-Petaling Jaya, Selangor.

Penuntut2 itu telah di-hadiahkan biasiswa kerajaan.

DERMA UNTUK IBU PEJABAT PENGAKAP

BANDAR BRUNEI. — Awang Damit bin Haji Mahmud, pengurus sa-buah sharikat bas telah menghadiahkan wang sa-banyak \$2,000.00 kepada Persatuan Pengakap Daerah Brunei-Muara untuk tabung pembangunan ibu pejabat persatuan itu.

Wang tersebut telah di-sampaikan oleh Awang Damit kepada Pesuruhjaya Pengakap Negeri, Awang Shabbuddin di-pejabat-nya di-batu 2 Jalan Tutong pada pagi semalam.

Perayaan hari keputeraan D.Y.M.M. di-Daerah Belait

KUALA BELAIT. Perayaan2 kerana menyambut ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei bagi daerah Belait, akan di-dahului dengan satu upacara perbarisan kehormatan di-padang KBRC Kuala Belait, pada 19 Julai.

Di-sebelah malam-nya akan di-adakan berbagai pertunjukan persembahan persatuan2 belia dan sekolah2, dan persembahan budaya oleh berbagai

kaum di-daerah itu.

Pada hari itu juga akan di-adakan perlawanan tarek tali perengkat akhir, dan peraduan berchuchol bagi rumah2 dan kedai2.

Lain2 achara termasuk dalam ranchangan sambutan yang akan di-adakan pada hari yang berlainan di-Daerah Belait ia-lah peraduan2 kereta berhias, perarakkan tangglong, pertunjukkan kanak2, pameran pekerjaan tangan, perlumbaan go-kart dan pertandingan2 bola sepak.



Gambar atas menunjukkan Awangku Daud bin Pengiran Mat Salleh dari Kampong Lambak, Berakas (kiri) dan Pengiran Ahmad bin Pengiran Mustapha masing2 akan mewakili Daerah Brunei-Muara dalam pertandingan silat dan kuntau perengkat negeri.

Pengiran Ahmad dan Awangku Daud masing2 telah muncih sabagai johan dalam perlawanan silat dan kuntau perengkat Daerah Brunei-Muara

yang telah di-adakan di-padang besar Bandar Brunei pada minggu lepas.

Peraduan perengkat seluruh negeri akan di-adakan di-Istana Darul Hana pada 15 Julai.

Peraduan itu ada-lah sabahagian dari achara sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-24 tahun.